



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/10 Jld.3 ( 66 )

Tarikh : 06 Disember 2018

Setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

### PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 8 TAHUN 2018 PERATURAN PEMBAYARAN BAYARAN KHAS TAHUN 2018

#### 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pembayaran **BAYARAN KHAS TAHUN 2018**

#### 2. LATARBELAKANG

Pembayaran ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 07/2018 bertarikh 05 Disember 2018. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeling tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

#### 3. KAEDAH PEMBAYARAN

- 3.1 Bayaran Khas Tahun 2018 sebanyak RM500 akan dibayar secara automatik melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) bersekali dengan gaji bulan Disember 2018. Bayaran dibuat hanya kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) yang aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan Disember 2018 dan mempunyai rekod bayaran gaji untuk tempoh sebulan ( 1 ) dalam SGP pada tahun 2018.



**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 8 TAHUN 2018 6 Disember 2018**

- 3.2 Pembayaran hanya boleh dibuat melalui SGP. Oleh yang demikian, bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan Disember 2018 tetapi layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2018, Jabatan hendaklah menyediakan input Bayaran Khas Tahun 2018 melalui Sistem e-Pay A3 dan menghantar input mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan. Input Bayaran Khas Tahun 2018 boleh dihantar mulai bulan Disember 2019 (INPUT GAJI BULAN JANUARI 2019).

**4. KOD BAYARAN / POTONGAN**

- 4.1 Kod bayaran / potongan Bayaran Khas Tahun 2018 adalah seperti berikut:

| KOD OBJEK | KOD SGP | SINGKATAN  | PERIHAL                                             |
|-----------|---------|------------|-----------------------------------------------------|
| 15106     | 403     | BKHAS2018  | BAYARAN KHAS 2018                                   |
| 15106     | 698     | T.BKHAS    | TUNGGAKAN BAYARAN KHAS                              |
| 15106     | 767     | BLKBKHAS   | KUTIPAN BALIK BAYARAN KHAS TAHUN SEMASA             |
| 29306     | 404     | BHAS2018VT | BAYARAN KHAS TAHUN 2018 VOT TERBUKA                 |
| 29306     | 699     | T.BKHASVT  | TUNGGAKAN BAYARAN KHAS VOT TERBUKA                  |
| 29306     | 768     | BLKBHASVT  | KUTIPAN BALIK BAYARAN KHAS VOT TERBUKA TAHUN SEMASA |

**5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

- 5.1 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan mengeluarkan Laporan Senarai Nama Penerima Bayaran Khas Tahun 2018 kepada semua Kementerian/Jabatan dibawah SGP termasuk Jabatan Mengakau Sendiri (JMS) untuk semakan masing-masing. Laporan berkenaan adalah berdasarkan kepada maklumat anggota dalam SGP.
- 5.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab menyemak dengan teliti laporan tersebut dan memastikan bayaran Bayaran Khas Tahun 2018 kepada setiap anggota masing-masing adalah teratur dan mematuhi peraturan PPNS Bil. 7/2018. Perhatian hendaklah diberi kepada pegawai yang tidak layak menerima Bayaran Khas Tahun 2018 dan pegawai yang ditangguhkan Bayaran Khas 2018 kepada pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau mendapat surat pertuduhan daripada Pihak Berkuasa Tatatertib pada tahun 2018. Selanjutnya pembayaran Bayaran Khas Tahun 2018 kepada Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula hendaklah mematuhi PPNS Bil. 07/2018.
- 5.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab membuat pelarasan semula Bayaran Khas Tahun 2018 yang telah dibayar jika berlaku salah bayaran. Pelarasan hendaklah dibuat melalui Sistem e-Pay A3 dan dihantar bersama input gaji bulan Januari 2019.

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 8 TAHUN 2018 6 Disember 2018**

- 5.4 Ketua Jabatan selaku Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot berkenaan adalah mencukupi untuk membayar Bayaran Khas Tahun 2018 ini. Jika peruntukan tidak mencukupi, pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon viremen atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

**6. PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

- 6.1 Bayaran Khas Tahun 2018 kepada PSH akan dibayar bersekali dengan upah bulan Disember 2018. Kementerian/Jabatan berkenaan perlu mengisi pembayaran Bayaran Khas Tahun 2018 pada borang JBN.04 Tuntutan Upah bulan Disember 2018 dalam Sistem Upah Harian. Tarikh akhir mengisi dan penghantaran borang JBN.04 dan baucar tuntutan upah PSH Disember 2018 adalah pada 4 Januari 2019 (Jumaat) dan 8 Januari 2019 (Selasa).
- 6.2 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan PSH memenuhi syarat iaitu masih berkhidmat pada 18 Disember 2018 dengan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018. Salinan borang JBN.04 tahun 2018 hendaklah dikepilkan bersama sebagai sokongan yang melayakkan PSH berkenaan diberi Bayaran Khas Tahun 2018.
- 6.3 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya keatas kelewatan pembayaran Bayaran Khas Tahun 2018 kepada PSH di Jabatan masing-masing kerana tidak mematuhi tarikh yang ditetapkan di para 6.1 ataupun mendapat teguran kerana terdapat PSH yang tidak layak diberi Bayaran Khas Tahun 2018 kerana tidak memenuhi syarat seperti di para 6.2.
- 6.4 Jabatan yang tidak mengisi borang JBN.04 pada tarikh yang ditetapkan di para 6.1 hendaklah memproses Bayaran Khas Tahun 2018 bersekali dengan bayaran upah bulanan berikutnya.

**7. PENUTUP**

Sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini hendaklah ditujukan ke Seksyen Gaji dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui telefon 088-368516 atau 088-368517 untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**



**(HAJI RUSDIN @ MUSIDI BIN RIMAN C.A.(M), FCPA(A), CPFA(UK), MBA)**  
Bendahari Negeri

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 8 TAHUN 2018 6 Disember 2018**

s.k. Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Jalan Sembulan  
Peti Surat 128  
**88592 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Pertanian  
Wisma Pertanian, Jln Tasik  
Beg Berkunci 2050  
**88632 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Perhutanan  
Beg Berkunci 68  
**90009 SANDAKAN**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Tanah Dan Ukur  
Beg Berkunci 2044  
**88576 KOTA KINABALU**  
(u.p : Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Tingkat 6, PPNS  
**88400 KOTA KINABALU**  
u.p : Encik David Bin Augustine  
Cik Elizabeth Tai Vui Khuin  
Puan Rafidah Binti Ali Hassan  
Encik Yazid Yuzairie Bin Yunos  
Encik Wan Ahmad Hazwan Bin Wan Ahmad Suhaini